

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 16/04/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 46

Tajuk : Pinda Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Kesihatan - ANGKASA

Pinda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Kesihatan – Angkasa

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) memohon kerajaan meminda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 supaya anggotanya boleh terlibat secara lebih aktif dalam bidang kesihatan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdul Lah berkata, sekiranya akta berkenaan berjaya dipinda, mana-mana koperasi yang ingin membuka klinik, pusat perubatan atau farmasi tidak lagi perlu menubuhkan anak

syarikat seperti sekarang.

Jelasnya, terdapat hampir 200 koperasi yang berpotensi untuk menceburi bidang perkhidmatan kesihatan dengan pindaan akta tersebut.

“Berdasarkan Seksyen 6(1) akta ini, lesen hanya boleh dikeluarkan kepada pengamal perubatan dan suatu pertubuhan yang lembaga pengarahnya terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang pengamal perubatan berdaftar.

“Justeru, kami berharap kerajaan dapat meminda akta tersebut untuk membuka peluang kepada koperasi di negara ini bergiat aktif dalam

perkhidmatan kesihatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-5 Koperasi Panel Kesihatan Selangor Bhd. (Kopsihat) di sini kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Kopsihat Selangor, Datuk Dr. R. Kannan.

Abdul Fattah berkata, penglibatan koperasi dalam bidang perkhidmatan kesihatan dilihat perlu berikutan masalah kesihatan yang dihadapi oleh masyarakat kini semakin kronik dan koperasi mampu menyediakan



ABDUL Fattah (duduk, tengah) dan dan R. Kannan (tiga dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kopsihat pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-5 pertubuhan tersebut kelmarin.

perkhidmatan kesihatan yang mampu milik.

“Selain itu, koperasi juga boleh turut serta dalam memajukan sektor pelancongan kesihatan yang di-

jangka mampu mencatat hasil sebanyak RM2.8 bilion pada 2020.

“Angkasa merupakan salah satu anggota Koperasi Se-Asean (ACO) yang

mempunyai kira-kira 64 juta anggota dan kami yakin dapat menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia untuk menjalani rawatan,” katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA